

PM bidas mereka yang berhijrah ke negara maju

'Jangan jadi kacang politik'



Dr. Mahathir Mohamad bersama Datuk Seri Dr. Lim Cheng Ee, kiri; Dr. Lim Kim Yick, kanan.

Oleh BUSTAMAM AHMAD

PULAU PINANG, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas selegah rakyat yang berhijrah ke negara maju dan menonjol-nonjolkan masalah tempatan, serta memberi gambaran kononnya mereka didiskriminaskan.

Menurut Perdana Menteri mereka ini sebenarnya tidak selesai hidup dan menjadi warganegara kelas dua di negara berkenaan. Tetapi, "malu untuk mengaku hakikat ini."

Keseluruhan rakyat, tegas beliau, patut bersyukur keadaan di negara ini aman damai.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan ke-10 Parti Gerakan yang dihadiri oleh 2,000 perwakilan, di Dewan Sri Pinang, Perdana Menteri berkata:

"Sebenarnya, apa yang berlaku tak ubahlah seperti pepatah Melayu, "kacang lupukan kulit."

"Bagi rakyat yang tulen, 'di mana bumi dipijak di situ lah langit dijunjung' dan 'hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri'."

Suasana yang wujud di Malaysia, tambahnya, adalah jauh lebih baik dari kebanyakan negara membangun. "Kita tidak mengalami masalah kebuluran dan negara kita tidak diancam oleh bencana alam, kecuali kadangkala banjir."

"Oleh itu," tegas beliau, "tidak patut sekali setengah rakyat kita tidak putus-putus mengeluh tentang keadaan di tanah tumpah darahnyanya sendiri."

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, kerajaan sentiasa sedar dan insaf segala masalah rakyat serta cabaran negara memandangkan suasana politik, ekonomi antarabangsa yang tidak tenteram.

Kerajaan, jelasnya, akan berusaha menjamin segala program pembangunan dapat diteruskan dan faedahnya dinikmati oleh segenap lapisan rakyat.

Bagi rakyat yang tulen, 'di mana bumi dipijak di situ lah langit dijunjung' dan 'hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri'.

Bellau yakin, jika setiap rakyat menajadikan usaha pembangunan suatu perjuangan, "kita pasti akan berjaya."

Perdana Menteri mengulangi bahawa Malaysia mempunyai "segala ramuan", terutama sumber alam yang diperlikan, bagi mencapai tahap kemajuan di negara maju.

"Jika negara-negara yang tidak mempunyai banyak sumber alam seperti kita, boleh pesat maju, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh mencapai kejayaan yang sama, malahan lebih besar," tambahnya.

Mengenai perpaduan Barisan Nasional, Perdana Menteri yang juga pengerusi BN memberi amaran penggunaan sentimen "kumpulan pendesak" mengugkit perkara mengenai dasar mendatangkan kesan buruk terhadap perpaduan yang wujud.

"Semua das untuk negara kita bertujuan mencapai mamlat perpaduan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat jelata."

"Pegunungan 'pressure group', oleh kumpulan minoriti untuk mengugkit perkara yang telah dipersetujui dalam sistem demokrasi adalah penentangan terhadap sistem demokrasi itu sendiri."

Rakyat hendaklah sentiasa sedar hakikat ini dan melihat bagaimana berkalkali setengah pihak mendatangkan diri mereka sebagai 'pressure group' atau mengemukakan kumpulan ini bagi mengugkit keadilan tentang yang wujud di negara kita ini," jelasnya.

Perdana Menteri menjelaskan, kebebasan BN bergantung kepada perpaduan parti-parti kom-

ponennya dan "kelemahan BN" akan mendatangkan kesan buruk terhadap kestabilan politik negara.

Sambil mengakui ada persekitaran jaham di kalangan parti komponen BN, Datuk Seri Dr. Mahathir berharap ia dapat dicekalkan "melalui sentera dalam BN" dan tidak diperbesar-besarkan melalui akhbar atau media am.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, Perdana Menteri berkata, segala bantuan dan galakan kerajaan tidak akan berjaya meningkatkan ekonomi rakyat melainkan mereka "sanggup mengubah nasibnya sendiri."

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia